




IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon: 605-5297444
Faks: 605-5265270
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: ops-Prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/OPS: 600-2/5/5/1 ()
Tarikh : 4 November 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

GARIS PANDUAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT, PUSAT GERAKAN OPERASI (PGO) DAN PUSAT PENGURUSAN OPERASI (PPO) YANG TERKESAN OLEH PENULARAN COVID-19

Merujuk kepada perkara tersebut di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan telah mengeluarkan satu garis panduan berkaitan Pentadbiran dan Pengurusan Balai Bomba dan Penyelamat, Pusat Gerakan Operasi (PGO) dan Pusat Pengurusan Operasi (PPO) yang terkesan oleh penularan COVID-19 untuk dijadikan panduan serta penyelarasan bagi tindakan pengoperasian di peringkat negeri.
3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Garis Panduan berkenaan untuk rujukan dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan. Kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZMI BIN OSMAN)

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perak

s.k Timbalan Pengarah, JBPM Negeri Perak

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101

SENARAI EDARAN

Pejabat Pengarah

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran

Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Penolong Pengarah Bahagian Latihan

Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan

Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan

Ketua Zon 1 Perak

Ketua Zon 2 Perak

Ketua Zon 3 Perak

Ketua Zon 4 Perak

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Batu Gajah

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kampar

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Simpang Pulai

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Siput

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kangsar

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Gopeng

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Meru Raya

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Tapah

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Slim River

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Bidor

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Malim

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Intan

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Hutan Melintang

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Taiping

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kamunting

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Lenggong

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Parit Buntar

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Serai

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Gerik

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Hulu

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kurau

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Selama

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Seri Manjung

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Seri Iskandar

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Parit

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pantai Remis

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Pulau Pangkor

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Sitiawan

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Tawar

Ketua Balai, Balai Bomba dan Penyelamat Batu Kurau



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT, PUSAT GERAKAN OPERASI DAN PUSAT PENGURUSAN OPERASI YANG TERKESAN OLEH PENULARAN COVID-19

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan bagi memberi penerangan bagi memastikan pengoperasian dan urustadbir BBP/PGO/PPO yang terkesan oleh penularan COVID-19 dapat dilaksanakan secara berkesan.

2. RANTAIAN WABAK COVID-19

Merujuk kepada Surat Edaran Berkaitan Kemaskini Kes Definisi Dan Garis Panduan Pengurusan Kos Covid-19 di Malaysia yang dikeluarkan oleh KKM bertarikh 5 Oktober 2020 menyatakan rantai penularan wabak COVID-19 dan tindakan pematuhan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

GENERASI JANGKITAN	TAHAP HUBUNGAN BAGI SETIAP KATEGORI	KATEGORI	PROSEDUR YANG ANDA PERLU LAKUKAN	PERUBAHAN KATEGORI BERDASARKAN UJIAN COVID-19
Lapisan 1	Pesakit yang telah disahkan positif COVID-19	A	Anda perlu berada di hospital untuk rawatan	ANDA ADALAH KES POSITIF
Lapisan 2	Individu yang ada KONTAK RAPAT dengan individu dari kategori A	B	Ujian pengesahan COVID-19 akan dibuat oleh KKM, Arahan Home Surveillance akan dikeluarkan oleh pihak Klinik Kesihatan	Sekiranya ujian COVID-19 +ve (rawatan di hospital) Sekiranya ujian COVID-19 -ve (Home Self Surveillance 14 hari)
Lapisan 3	Individu yang ada KONTAK RAPAT dengan individu dari kategori B	C	Terus kekal di rumah (Home Self Surveillance). Tunggu sehingga keputusan ujian COVID-19 bagi KONTAK RAPAT kategori B dikeluarkan oleh pihak KKM.	Sekiranya ujian COVID-19 KONTAK RAPAT ANDA DARI KUMPULAN B +ve (Dapatkan ujian di klinik) Anda telah menjadi B Sekiranya ujian COVID-19 KONTAK RAPAT ANDA DARI KUMPULAN B -ve (Boleh terus keluar bekerja seperti biasa)
Lapisan 4	Individu yang ada KONTAK RAPAT dengan individu dari kategori C	D	Boleh keluar untuk bekerja atau urusan lain. Dapatkan status kategori C yang menjadi KONTAK RAPAT anda	Sekiranya ujian susulan COVID-19 B+ve, (Boleh keluar bekerja seperti biasa). Sekiranya B+ve, C menjadi B dan anda (D) menjadi C
Tiada Risiko/Normal	TIADA KAITAN DENGAN individu dari kategori A, B, C atau D.	E	Tiada larangan khusus, anda boleh hadir bekerja atau keluar rumah ke mana sahaja untuk urusan khusus. (Tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan)	ANDA TIADA KAITAN DENGAN RANTAIAN WABAK COVID-19
Maksud KONTAK RAPAT ialah:		i. Ahli keluarga serumah/ahli tabligh dari kumpulan kecil yang sama (makan/tidur bersama) dengan lapisan 1 (kategori A) ii. Bersemuka lebih dari 15 minit dalam jarak kurang dari 1 meter di ruang tertutup dengan Lapisan 1 (kategori A) iii. Tidak bersemuka tapi berada bersama di dalam bilik air cond tertutup melebihi 2 jam dengan Lapisan 1 (kategori A) iv. Menaiki kenderaan yang sama dalam jarak 2 kerusi melebihi 2 jam dengan Lapisan 1 (kategori A)		
BERSALAM DENGAN INDIVIDU DISAHKAN POSITIF COVID 19 (KATEGORI A) TIDAK DIKIRA KONTAK RAPAT				

3. PELAKSANAAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BBP

Sekiranya terdapat situasi seperti di perkara 2, Pengarah Bahagian/Negeri hendaklah menimbangkan seberapa segera pegawai di BBP/PGO/PPO untuk mengambil tindakan dan perlu memastikan kesinambungan pengoperasian tersebut tidak terjejas, maka langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan:

3.1 Ketua Balai dalam kategori A dan B

3.1.1. Pengarah Negeri hendaklah menimbangkan untuk menugaskan pegawai kanan dari mana-mana balai/zon/bahagian untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ketua balai.

3.1.2. Jika dalam kategori C dan tempoh tidak melebihi tiga (3) hari, penggantian dikecualikan dan ketua balai boleh bertugas dari rumah.

3.2 Kategori A, B dan C sebahagian

Sekiranya pihak KKM menyarankan sebahagian sahaja pegawai di BBP/PGO/PPO menjalani kuarantin dalam tempoh yang ditetapkan, Pengarah Bahagian/Negeri hendaklah menimbangkan pengoperasian BBP/PGO/PPO dijalankan mengikut kesesuaian berdasarkan bilangan pegawai yang dikuarantin.

-Rujuk perkara 4.

3.3 Kategori A, B dan C sepenuhnya

Sekiranya pihak KKM menyarankan semua pegawai di BBP/PGO/PPO menjalani kuarantin dalam tempoh yang ditetapkan, Pengarah Bahagian/Negeri perlu memastikan pengoperasian BBP/PGO/PPO secara berkesan dengan menempatkan sementara pegawai-pegawai.

-Rujuk perkara 4

4. PENILAIAN TINDAKAN

Pengarah Bahagian/Negeri hendaklah menimbangkan tindakan pengoperasian BBP/PGO/PGO dengan mengikut penilaian berikut:

4.1 Norma keluaran

Pengarah Bahagian/Negeri hendaklah menimbangkan untuk meminimalkan norma keluaran/bertugas dalam satu-satu masa keluaran kecemasan/tempoh bekerja di BBP/PGO/PPO.

4.2 Syif Bekerja

Pengarah Bahagian/Negeri hendaklah menimbangkan pertukaran tempoh masa syif dari 12 jam kepada 24 jam mengikut kesesuaian dan keberkesanan pengoperasian BBP/PGO/PPO.

4.3 Penempatan Sementara Pegawai

Pengarah Bahagian/Negeri hendaklah menimbangkan penempatan sementara bagi pegawai-pegawai dari lokasi lain untuk melaksanakan tugas pengoperasian BBP/PGO/PPO.

Bagi penggantian petugas di PGO/PPO, diberi keutamaan kepada bekas pegawai yang pernah bertugas di PGO dengan keutamaan mengikut tahun terakhir dan tempoh bertugas.

4.4 Pengantungan Operasi

Pengarah Negeri hendaklah menimbangkan permohonan kepada Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat untuk menghentikan/menggantung sementara pengoperasi BBP akibat impak penularan COVID-19 sekiranya perkara 4.1 hingga perkara 4.3 tidak dapat diselesaikan.

5. PENGINAPAN DAN MAKAN MINUM

Pengarah Bahagian/Pengarah Negeri dibenarkan menyediakan kemudahan penginapan, makan dan minum kepada semua pegawai yang ditempatkan sementara di BBP/PGO/PPO tersebut sepanjang tempoh masa bertugas (jika lokasi penempatan melebihi 25 kilometer daripada lokasi asal). Walaubagaimanapun, sekiranya kemudahan tersebut tidak dapat disediakan, maka pegawai adalah layak untuk membuat tuntutan berdasarkan WP1.4/2013- Kadar & Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan & Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh: 27 Oktober 2020